

# Langkah lahir modal insan berilmu, berkemahiran bantu transformasi negara

Perspektif Majlis

PROFESOR NEGARA

Dr Zakri  
Abdul Hamid



versi tempatan, bermula dengan lima universiti yang tertua iaitu UKM, UM, UPM, USM dan UTM. Langkah ini amat dialu-alukan ahli akademik dan melambangkan keyakinan pihak kerajaan mengenai kematangan universiti tanah air dalam menangani isu kebebasan akademik dan daya urus sebuah universiti itu.

Pemberian autonomi membabitkan governans, kewangan, penguurusan sumber manusia dan penguurusan akademik termasuk kemasyarakatan pelajar memberikan peluang lima universiti di atas bergerak dengan lebih ampuh. Bagaimanapun, keistimewaan yang dianjurkan ini juga menuntut akauntabiliti tinggi, dalam erti kata sebarang kekecuaan di mana-mana universiti berkenaan tidak boleh dikaitkan dengan kekangan peraturan pentadbiran kerajaan.

Adalah diharapkan dengan autonomi, universiti di tanah air akan lebih berupaya menaikkan kewibawaan dan tahap kecemerlangan mereka setanding dengan universiti terkemuka dunia.

Tatkala membincangkan modal insan syumul dan unggul, amat menarik apabila Mohamed Khaled berhujah bahawa dalam memastikan kejayaan Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Trans-

formasi Ekonomi (ETP), sudah tidak memadai menghasilkan modal insan semata-mata tetapi graduan ini mestilah padat dengan ilmu dan berkemahiran tinggi dan disematkan pula dengan semangat untuk terus berkhidmat di negara ini dan tidak berhijrah keluar.

Menteri Pengajian Tinggi juga menyarankan pembelajaran dan pengajaran di IPT wajar berpaksikan kepada falsafah 'ilmu dan kemahiran untuk masa depan, dan bukan menyelesaikan masalah semalam.' Ini memerlukan orientasi semula kurikulum pra dan pas-casiswazah dengan menyisipkan konsep pendidikan liberal dan multidisiplin. Pendekatan sedemikian mampu menghasilkan graduan mempunyai keupayaan berfikir lebih terbuka, kritis dan mampu melihat persoalan negara dan cabaran global dari pelbagai sudut.

Sesungguhnya ini sesuatu pendekatan segar dan selari dengan apa yang telah dimulakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini oleh universiti terkemuka di negara maju. Cabaran masa kini begitu kompleks, misalnya masalah perubahan iklim atau pembangunan mapan, hanya boleh diselesaikan melalui pendekatan yang multidisiplin dan rentas sektor.

Sempena 2012 sebagai Tahun Gerakan Inovasi Nasional, Mohamed Khaled menggesa agar universiti memainkan peranan utama dalam penciptaan, pembangunan dan penyebaran inovasi. Namun demikian, beliau mengakui pada hari ini masih terdapat kekangan ketara membantutkan usaha melonjakkan inovasi dalam sains dan teknologi.

Bidang sains kurang menarik minat pelajar. Sejak 2007 peratus pelajar sekolah mengambil jurusan sains terus merudum sehingga 29 peratus pada 2012. Trend ini berterusan ke tahap universiti. Pembelajaran sains dianggap sukar dan membosankan dan seterusnya kerjaya sains digambarkan sebagai sesuatu yang kurang menarik dan tidak menguntungkan.

Sains harus ditonjolkan sebagai asas teknologi dan inovasi, dan inovasi ialah kunci transformasi ke negara maju dan kemakmuran rakyat. Beberapa langkah telah dicadangkan oleh menteri termasuk menawarkan biasiswa peringkat PhD dalam bidang sains tulen, penyediaan infrastruktur penyelidikan bersesuaian di universiti tempatan, penubuhan syarikat terbitan universiti untuk memindahkan hasil penyelidikan ke industri dan laluan kerjaya sains yang jelas dan pelbagai. Kerjasama lebih erat dengan industri akan dijalinan melalui penubuhan pusat kecermerlangan industri (ICoE).

Komitmen Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memperkukuh kedudukan sains di negara ini, agenda yang juga menjadi fokus Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi perlu disokong semua pihak. Langkah KPT yang dilakarkan di atas adalah pakej padat untuk menyokong strategi dan pelan tindakan yang gigih diusahakan Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan dan Agensi Inovasi Malaysia.

*Sejak 2007 peratus pelajar sekolah mengambil jurusan sains terus merudum sehingga 29 peratus pada 2012. Trend ini berterusan ke tahap universiti. Pembelajaran sains dianggap sukar dan membosankan dan seterusnya kerjaya sains digambarkan sebagai sesuatu yang kurang menarik dan tidak menguntungkan. Sains harus ditonjolkan sebagai asas teknologi dan inovasi, dan inovasi ialah kunci transformasi ke negara maju dan kemakmuran rakyat*

Penulis ialah Pengerusi Majlis  
Profesor Negara dan Penasihat  
Sains Perdana Menteri

